

Isu miskin bandar

Hijrah tanpa kemahiran jadi punca

Kumpulan tiada kelayakan tambah jumlah kemiskinan

Oleh Rohaniza Idris dan Zana-riah Abd Mutalib
bnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan yang tidak berkesan dalam menangani kemiskinan di luar bandar menyebabkan wujud pula isu ber-

kenaan di bandar, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberi contoh, apabila masalah kemiskinan di luar bandar gagal diatasi, penduduk dari kawasan berkenaan berhijrah ke bandar untuk bekerja, namun mereka tiada kelayakan atau kemahiran sesuai dengan pekerjaan sedia ada.

“Ia menyebabkan kumpulan itu terus miskin dan menambah jumlah kemiskinan di bandar,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Forum Hari Antarabangsa Bagi Membasmi Kemiskinan anjuran Yayasan Sejahtera, di sini semalam.

Kemiskinan bandar adalah isu penting yang diberi perhatian oleh kerajaan dengan pelbagai skim bantuan diwujudkan, malah kerajaan juga bersedia mengkaji semula cara pengukuran paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi memastikan rakyat yang memerlukan tidak terlepas daripada menerima bantuan.

Antara langkah boleh diambil untuk menangani perkara itu, kata Perdana Menteri, adalah dengan memberi penduduk luar bandar yang berhijrah itu latihan serta kemahiran untuk memenu-

hi permintaan pekerjaan di bandar.

Dr Mahathir turut mencadangkan golongan berpendapatan rendah menceburi bisnis secara kecil-kecilan dan keusahawanan, belajar bagaimana menguruskan perniagaan walaupun ia sekadar perniagaan kecil.

Perdana Menteri juga membangkitkan kebimbangan beliau terhadap pencapaian peniaga kecil di Malaysia yang masih statik

"Masalah yang wujud bukan hanya kemiskinan mutlak, tetapi juga kemiskinan relatif, poket kemiskinan yang berterusan dan kemiskinan bandar serta peningkatan ketidaksamaan."

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

serta tidak tahu bagaimana untuk mengembangkan perniagaan.

“Mereka sangat statik, berniaga sekadar mendapatkan wang untuk menyokong keperluan harian, tidak berusaha untuk mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi,” katanya.

Justeru, beliau menegaskan, golongan berkenaan perlu dididik mengenai keperluan dalam pengembangan perniagaan supaya mereka dapat keluar daripada kelompok miskin bandar.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir mengakui Malaysia mencapai kemajuan dalam usaha membasmi kemiskinan, tetapi masalah itu tetap berlaku dan memerlukan perhatian kerajaan melalui pelaksanaan dasar.

“Masalah yang wujud bukan hanya kemiskinan mutlak, tetapi juga kemiskinan relatif, poket kemiskinan yang berterusan dan kemiskinan bandar serta peningkatan ketidaksamaan.

“Walaupun kemiskinan luar bandar masih terus kritikal, kemiskinan di bandar memerlukan perhatian dasar dan langkah penyelesaian. Poket kemiskinan yang berterusan terus menghalang penyelesaian (menerusi) dasar di Malaysia,” katanya.